KALENDAR PERISTIWA
Julai - September 2015

9 Julai dan 11 September

Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25 peratus pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang telah diadakan pada bulan Julai dan September 2015. Pendirian dasar monetari ini kekal akomodatif dan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun terdapat penyelarasan yang berterusan terhadap perkembangan luaran dan dalam negeri. Pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan dijangka menyumbang kepada usaha mengurangkan kesan prestasi sektor luaran yang lemah. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana memandangkan terdapat penyelarasan perbelanjaan berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta persekitaran ekonomi yang lebih tidak menentu. Melangkah ke hadapan, risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan telah meningkat dalam keadaan ketidaktentuan pada peringkat global dan dalam negeri yang nyata. Yang nyata, Malaysia mula menghadapi cabaran tempoh yang mencabar ini dengan kukuh. Penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi akan kekal sekitar 4.5 hingga 5.5 peratus. Peningkatan inflasi pada bulan Jun dan Julai mencerminkan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi serta kesan pelaksanaan GST. Melangkah ke hadapan, inflasi dijangka mencapai tahap tertingginya pada awal tahun 2016 dan menjadi sederhana bagi tempoh selanjutnya pada tahun itu. MPC menyedari bahawa terdapat peningkatan risiko dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Risiko ini sedang dipantau dengan teliti bagi menilai implikasinya terhadap kestabilan makroekonomi dan prospek ekonomi Malaysia.

13 Ogos

Pada sidang akhbar untuk mengumumkan KDNK suku kedua, BNM memaklumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.9%, didorong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 1.1% (S1 2015: 1.2%). Sementara itu, Indeks Harga Pengguna meningkat 2.2% pada suku kedua 2015, mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berkuat kuasa 1 April. Bagi tempoh yang sama, lebihan perdagangan berjumlah RM20.4 bilion (S1 2015: RM21.3 bilion). Eksport kasar merosot 3.7% (S1 2015: -2.5%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan eksport komoditi dan produk perkilangan berasaskan sumber.

20 Ogos

BNM dan Bank Dunia menjadi tuan rumah bersama bagi pelancaran di rantau Asia satu laporan tinjauan Bank Dunia bertajuk *"Pangkalan Data Global Findex 2014: Mengukur Rangkuman Kewangan di Seluruh Dunia"* di Sasana Kijang. Global Findex merupakan pangkalan data yang mengandungi lebih daripada 150,000 maklum balas tinjauan dari lebih 140 buah negara di seluruh dunia. Pangkalan data ini, yang dikemas kini setiap tiga tahun, akan membolehkan perbandingan secara konsisten prestasi rangkuman kewangan merentas negara dan menganalisis trend dari masa ke masa.

Dalam ucapan beliau, Gabenor telah menyatakan bahawa satu evolusi penting dalam usaha memajukan strategi rangkuman kewangan Malaysia ialah tumpuan yang semakin meningkat pada data dan pengukuran. Oleh itu, salah satu saranan utama di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020 ialah pembentukan Indeks Rangkuman Kewangan, iaitu rangka kerja yang mengukur

tahap boleh akses kepada perkhidmatan kewangan serta penggunaan dan kualitinya. Melalui indeks ini, prestasi BNM dalam menjayakan agenda rangkuman kewangan ini telah diukur selaras dengan usaha untuk mendorong ke arah kebertanggungjawaban dan kecemerlangan. Begitu juga pada peringkat antarabangsa, semakin wujud pemahaman yang seragam bahawa pengukuran merupakan instrumen dasar yang penting bagi pelaksanaan rangkuman kewangan. Ketersediaan data yang mengukur prestasi sesebuah negara dalam *Global Findex* bukan sahaja memberikan tekanan kepada setiap negara agar bertindak setanding dengan negara-negara lain tetapi juga memberikan bukti empirikal mengenai tindakan dasar rangkuman kewangan yang memberikan kesan paling optimum.

27 Ogos

BNM mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Masjid Negara ke-50, yang dibuka secara rasmi pada 27 Ogos 1965. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong yang ketiga, Almarhum Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Pada hari yang sama, BNM dan Bank of Thailand menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung dengan pembentukan rangka kerja kerjasama untuk menggalakkan penyelesaian perdagangan dua hala dan pelaburan langsung dalam mata wang tempatan. Pengaturan ini bertujuan mempertingkat perdagangan dua hala dan aliran pelaburan antara Malaysia dengan Thailand. MoU ini menandakan usaha kedua-dua bank pusat untuk menggalakkan penggunaan ringgit Malaysia dan baht Thailand oleh sektor swasta untuk urusan penyelesaian perdagangan dan pelaburan langsung merentas sempadan. Pengaturan ini akan mengurangkan risiko dedahan terhadap turun naik mata wang dalam penyelesaian global dan juga untuk mengurangkan kos transaksi kepada sektor perniagaan.

1 September

Pada Forum Global Mengenai Kewangan Beretika di Edinburgh, Scotland, Gabenor Dr. Zeti dalam ucapan beliau (bertajuk “Membina Sistem Kewangan demi Pembangunan Yang Mampan”) menekankan bahawa perbincangan mengenai usaha menerapkan kewangan beretika untuk pembangunan yang mampan adalah tepat pada masanya. Menurut beliau, dalam dekad kebelakangan ini, kita terpaksa berdepan dengan krisis kewangan global besar yang tidak pernah berlaku sebelum ini, yang sebahagiannya berpunca daripada etika dan budaya yang berleluasa dalam industri perkhidmatan kewangan. Sudah tiba masanya kita memberikan tumpuan ke arah menghasilkan penyelesaian yang lebih lestari, yang akan memantapkan kembali kedudukan sektor kewangan sebagai penyedia perkhidmatan kepada masyarakat. Menurut beliau, perkara pertama dan paling utama ialah keperluan kewangan masa hadapan perlu mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan ekonomi benar melalui peranan pengantaraannya yang berkesan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Sistem kewangan perlu bercirikan nilai ditambah dan berasaskan nilai. Nilai ditambah bererti sistem kewangan memberikan sumbangan yang bermakna melalui peranan fungsi pengantaraan dan memudahkan aktiviti ekonomi benar. Elemen berasaskan nilai pula bererti sistem kewangan mempunyai matlamat untuk memberikan manfaat kepada masyarakat. Kedua, rejim yang berfungsi dengan mengamalkan kewangan nilai ditambah dan berasaskan nilai perlu dibina atas prinsip-prinsip sejagat yang akan mewujudkan satu model yang mampan supaya kewangan positif ini dapat menjadi arus perdana dalam sistem kewangan global. Ketiga, usaha untuk mengukuhkan penawaran dan permintaan terhadap kewangan nilai ditambah dan berasaskan nilai akan menyumbang dengan ketara ke arah menegarkan semula sistem kewangan global kepada ekonomi benar. Akhir sekali, terdapat keperluan untuk memupuk kepimpinan yang mantap pada peringkat global yang boleh memberikan sokongan dan memainkan peranan pemudah cara untuk menyelesaikan halangan dan menghimpunkan pihak berkepentingan yang berbeza untuk

bekerjasama dengan cara yang terselaras dan bersepadu. Pada masa hadapan, pembangunan yang stabil dan mampan dapat dijayakan dengan merapatkan semula jurang yang kini wujud antara kewangan dengan penciptaan nilai dan ini dapat diperkukuh dengan memberikan manfaat kepada masyarakat.

30 September

Dalam ucapan Gabenor Dr. Zeti pada Simposium Global Peringkat Tinggi OECD-Malaysia mengenai Kesejahtaraan Kewangan, bertajuk "Perjalanan Ke Arah Kesejahteraan Kewangan: Memanfaatkan Momentum dan Mengenal Pasti Hala Tuju Baharu", beliau menyatakan bahawa kemajuan yang dicapai dalam penyediaan perkhidmatan kewangan sejak beberapa dekad kebelakangan ini telah memberikan kesan transformasi terhadap kesejahteraan kewangan. Ciri-ciri utama transformasi ini ialah pempelbagaian dalam sistem kewangan yang lebih luas dan peningkatan pergantungan pada kemajuan teknologi.

Bagi membolehkan manfaat pembangunan kewangan direalisasikan sepenuhnya, Gabenor Dr. Zeti menekankan bahawa pembangunan kewangan perlu dilengkapkan dengan penggunaan sistem kewangan yang berkesan oleh pengguna dan perniagaan. Ini memerlukan usaha untuk mempertingkat kemampuan mereka untuk membuat pilihan kewangan yang bijak, yang paling sesuai dengan keperluan mereka, di samping meningkatkan keyakinan mereka untuk mengambil peluang daripada saluran dan instrumen baharu pengurusan kewangan.

Sejak beberapa tahun yang lalu, kemajuan penting telah dicapai dalam penyediaan asas-asas untuk meningkatkan keupayaan kewangan. Asas-asas ini termasuklah: (i) peningkatan keperluan penzahiran yang sebenar mengenai produk dan perkhidmatan kewangan; (ii) pengetahuan kewangan yang lebih luas; (iii) persekitaran yang menyokong pilihan pengguna, termasuk kemampuan pengguna membuat pilihan tanpa halangan; dan (iv) mekanisme penyelesaian yang berkesan. Pada masa akan datang, strategi untuk terus memperkukuh asas-asas ini dijangka dipengaruhi dengan nyata oleh dua perkembangan utama. Pertama ialah penerangan secara lebih luas mengenai perkara yang mempengaruhi tingkah laku kewangan (behaviourial finance) supaya dapat memahami dan mengenal pasti dengan lebih baik pengaruh keputusan kewangan yang lebih bijak dalam keadaan yang berbeza. Perkembangan kedua berkaitan dengan kemajuan teknologi seperti pembelajaran di kelas dan permainan dalam talian serta penggunaan aplikasi mudah alih. Sebagai kesimpulan, beliau menekankan bahawa komitmen terhadap pendidikan kewangan adalah sangat penting untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan masyarakat kita.

Akronim dan Singkatan

ABIF	Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
ADB	Bank Pembangunan Asia
AFC	Krisis Kewangan Asia
AFI	Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ALR	kadar pinjaman purata
AS	Amerika Syarikat
BI	Bank Indonesia
BIS	Bank for International Settlements
BLR	kadar pinjaman asas
BNM	Bank Negara Malaysia
BNMN	Nota Monetari Bank Negara
BoE	Bank of England
BoJ	Bank of Japan
BOP	Imbangan Pembayaran
BR	Kadar Asas
CBC	Central Bank of the Republic of China
CET1	ekuiti biasa kumpulan 1
DIA	pelaburan langsung luar negeri
DSR	nisbah khidmat bayaran hutang
E&E	elektronik dan elektrik
E&O	Kesilapan dan Ketinggalan
ECB	European Central Bank
EOR	perolehan minyak lebih tinggi
EU	Kesatuan Eropah
ETP	Program Transformasi Ekonomi
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FD	deposit tetap
FDI	pelaburan langsung asing
Fed	Federal Reserve
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
GFP	barangan untuk diproses
GIFF	Forum Kewangan Islam Global
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
HoA	Heads of Agreement
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi
HSDPA	High-Speed Downlink Packet Access
ICR	nisbah perlindungan faedah
IDB	Bank Pembangunan Islam
IFSA	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
IHP	Indeks Harga Pengguna
IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IILM	Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
IKBB	institusi kewangan bukan bank
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IRS	swap kadar faedah
IT	teknologi maklumat

JCC	Japanese Crude Coktail
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur
KLIBOR	Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan
LCR	Nisbah Perlindugan Mudah Tunai
LNG	gas asli cecair
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MHPI	Indeks Harga Rumah Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
MSIC	Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PBOC	People's Bank of China
PDS	sekuriti hutang swasta
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PMI	Indeks Pembelian Pengurus
PMTK	pembentukan modal tetap kasar
PNK	Pendapatan Negara Kasar
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
QAB	Bank ASEAN yang Bertauliah
QE	pelonggaran kuantitatif
RBI	Reserve Bank of India
RM	Ringgit Malaysia
RR China	Republik Rakyat China
SDA	Akaun Deposit Khas
SNA	Sistem Akaun Negara
S$NEER	kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura
SNB	Swiss National Bank
SRR	Keperluan Rizab Berkanun
UK	United Kingdom